**D.R. 4/98**

**Naskhah Sahib—Bahasa Kebangsaan**

# RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tajuk
Tambahan (1997) 1998. ringkas

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan Perbelanjaan
sejumlah wang yang tidak melebihi tujuh bilion dua puluh tambahan
juta empat ratus dua puluh ribu dua ratus enam puluh bagi tahun
tiga ringgit (RM7,020,420,263) daripada Kumpulan Wang 1997
Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1997, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan
dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1997, Akta *Akta A976.*
Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997, Akta *Akta A990*
Perbekalan Tambahan (1997) 1997 dan Akta Perbekalan *Akta A1002.*
Tambahan (1997) (No. 2) 1997. *Akta A1008*

(2) Jumlah wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2)

| Maksud | Tajuk | Peruntukan kepada Maksud (RM) |
|---|---|---|
| B. 8 | Jabatan Perkhidmatan Awam | 30,308,862 |
| B. 13 | Pejabat Setiausaha Persekutuan, Sarawak | 68,278 |
| B. 16 | Jabatan Perkhidmatan Bomba | 15,341,224 |
| B. 24 | Jabatan Muzium dan Antikuiti | 191,607 |
| B. 25 | Kementerian Pertahanan | 138,027,952 |
| B. 26 | Kementerian Pendidikan | 39,818,633 |
| B. 27 | Jabatan Perpustakaan Negara | 3,694 |
| B. 30 | Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun | 6,692,199,889 |
| B. 34 | Kementerian Kesihatan | 18,573,641 |
| B. 36 | Polis Diraja Malaysia | 50,440,253 |
| B. 40 | Jabatan Penjara | 1,599,108 |
| B. 45 | Kementerian Sumber Manusia | 2,731,551 |
| B. 47 | Kementerian Pengangkutan | 19,386,068 |
| B. 51 | Kementerian Luar Negeri | 11,729,503 |
| | JUMLAH | 7,020,420,263 |

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1997 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1997, Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997, Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1997 dan Akta Perbekalan Tambahan (1997) (No. 2) 1997.

[PN.(U$^2$)2080.]